

## **KONTRAK *MUSAMMĀ*: JUSTIFIKASINYA DALAM TRANSAKSI KEWANGAN ISLAM SEMASA**

### **Nominate Contracts: Its Justifications in Contemporary Islamic Financial Transactions**

**Ahmad Sufyan Che Abdullah<sup>1</sup>**

#### **ABSTRACT**

*In dealing with modern Islamic financial engineering, Shariah provides us with considerable flexibility to invent new contracts, as long as we do not contravene the basic principles of Islamic law. In addition, we found that Shariah scholars in their classical works on Islamic law paid great attention to the nominate contracts; the contracts that historically have specific names with specific features. Through our research on the classical works of Islamic law, all these nominate contracts play a vital role as a basis for any new invention in financial contracts. This research, however, found that the specific names, such as syarikah, ijārah, wakālah, etc., are meaningless in Islamic law except to differentiate between the characteristics of each contract. Hence, the justification to refer new contracts to classical nominate contracts is to ensure that the legal impact of the new contracts does not lead to any prohibited contract or any wrong combination of two or more contracts that contradict each other, as well as to verify that*

---

<sup>1</sup> Fellow SLAB in Department Syariah and Management, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, sufyan@um.edu.my.

*the contracts will not oppose the general objectives (maqāṣid ‘āmmah) of Sharīah.*

**Keywords:** *contract, ‘aqd, musammā, fiqh mu‘āmalāh, ‘urf, maqāṣid al-syarī‘ah*

## PENDAHULUAN

Perkembangan yang pesat dalam industri kewangan Islam telah mempopularkan istilah-istilah seperti *muḍārabah, musyārah, ijārah, wadī‘ah* dan seumpamanya sehingga kepada masyarakat yang bukan Islam dan berbangsa bukan Melayu pun sudah pandai menyebutnya. Situasi ini adakalanya menjadikan sesetengah penulisan berkenaan kewangan Islam, kontrak tersebut sebagai seolah-olah merupakan ‘prinsip-prinsip syariah’ dalam muamalat, sedangkan pada hakikatnya nama-nama itu adalah kontrak urus niaga masyarakat Arab Jahiliyyah yang wujud lama sebelum datangnya Islam. Ada di antara kontrak itu dianggap sah oleh syariah seperti *al-salam* dan *muḍārabah* dan ada juga yang tidak dianggap sah seperti *riba* dan *qimār*. Kontrak-kontrak ini dikenali sebagai kontrak penama atau kontrak *musammā* (*nominated contract*). Persoalannya, reelankah kontrak-kontrak ini untuk terus dipelajari dan dikaji? Jika relevan, adakah setiap kontrak moden perlu mengikut setiap acuan dalam kontrak *musammā* ini? Inilah persoalan yang ingin dibahaskan dalam artikel ini.

## DEFINISI

Kontrak dalam bahasa Arabnya dikenali sebagai *al-‘aqd*. *Al-‘aqd* secara literalnya membawa maksud ikatan atau simpulan dan lawan kepada uraian.<sup>2</sup> Menurut istilah pula, *al-‘aqd* ertinya suatu pernyataan antara dua pihak untuk memberi komitmen untuk melakukan sesuatu yang mengikat (menuntut komitmen) seseorang itu dengan apa yang terkandung dalam pernyataan itu.<sup>3</sup> Aḥmad Firāj Ḥusayn pula mendefinisikan *al-‘aqd* sebagai mengikat antara tawaran (*al-ījāb*) dengan penerimaan (*al-qabūl*) bersandarkan syariah melalui kesan yang terzahir pada apa yang diakadkan.<sup>4</sup> Selain itu, al-Jurjānī,

<sup>2</sup> Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab* (Kaherah: Dār al-Ma‘ārif, n.d.), iv. 3030.

<sup>3</sup> Wizārah al-Awqāf wa al-Syu‘ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah* (Kuwayt: Dār al-‘Afwah, 1994), xxxi. 198.

<sup>4</sup> Aḥmad Firāj Ḥusayn, *al-Milkiyyah wa Naẓariyyah al-‘Aqd fī Syarī‘ah al-Islāmiyyah* (Iskandariyyah: Mu‘assasah al-Thaqāfah al-Jāmi‘iyyah, n.d.), 124.

mentafsirkan *al-‘aqd* sebagai menghubungkan antara beberapa bahagian tindakan dengan *tjāb* dan *qabūl* berasaskan syariah.<sup>5</sup> Contohnya akad perkahwinan, ia merupakan akad yang mengikat antara seorang suami dan isteri untuk melaksanakan tanggungjawab yang dituntut dalam urusan rumah tangga pada masa yang sama memberikan hak yang diperlukan untuk kedua-duanya. Akad ini tidak akan terbatal kecuali dengan berlakunya penceraian atau tuntutan fasakh. Kontrak jika mengikut undang-undang dianggap sebagai satu perjanjian yang memberi kesan untuk mengikat pihak yang membuat perjanjian untuk melakukannya.<sup>6</sup>

Pada asalnya, apabila disebutkan akad berasaskan *tjāb* dan *qabūl*, sesuatu akad itu dianggap sebagai *mulzim* atau mengikat untuk dilaksanakannya,<sup>7</sup> ini berasaskan firman Allah di dalam al-Quran:

يٰٓاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اَوْفُوْا بِالْعُقُوْدِ

“Wahai orang-orang yang beriman, laksanakanlah perjanjian-perjanjian kamu”

(Surah al-Mā'idah 5: 1)

Namun begitu, dalam karya-karya *fiqh*, akad kerap digunakan dengan maksud yang lebih komprehensif termasuklah sebarang bentuk pernyataan untuk melakukan sesuatu, sama ada mengikat atau tidak mengikat dalam sebarang bentuk urus niaga seperti kontrak simpanan barangan. Atas sebab itu akad dibahagikan pula kepada beberapa bentuk berasaskan kesan perundangannya seperti yang akan dihuraikan selepas ini.

Kontrak *musammā* pula bermaksud kontrak yang telah wujud dan diiktiraf nama dan cirinya yang khusus oleh syariah serta mempunyai implikasi perundangan yang tersendiri.<sup>8</sup> Menurut Mustafā al-Zarqā', terdapat lebih kurang 25 nama kontrak yang dikenal pasti wujud dalam kitab-kitab *fiqh* tetapi jumlah itu sebenarnya berbeza kerana perbezaan aliran antara mazhab dan penulisan hukum Islam.<sup>9</sup> Nama-nama kontrak ini sebenarnya bukan dimulakan setelah perutusan Rasulullah SAW tetapi berasal daripada amalan

<sup>5</sup> 'Alī bin Muḥammad al-Syarīf al-Jurjānī, *Kitāb al-Ta'rifāt* (Beirut: Maktabah Lubnan, 1985), 158.

<sup>6</sup> Sila lihat kesan perundangan bagi pihak yang melakukan kontrak, contohnya dalam Seksyen 30 (1), Akta Kontrak 1950.

<sup>7</sup> Aḥmad Muḥammad al-Sa'ad, *Fiqh al-Mu'āmalāt* (Irbid: Dār al-Ketab Publisher, 2011), i. 16.

<sup>8</sup> Mustafā Aḥmad al-Zarqā, *Madkhal Fiqh al-‘Āmm* (Damsyiq: Dār al-Qalam, 1998), i. 605.

<sup>9</sup> Mustafā Aḥmad al-Zarqā, *Madkhal Fiqh al-‘Āmm*, i. 605.

masyarakat Arab sebelum Islam<sup>10</sup> tetapi kemudiannya disaring dan diletakkan ciri dan sifatnya oleh para sarjana Islam berasaskan prinsip-prinsip muamalat Islam. Antara prinsip-prinsip utama dalam muamalat Islam ialah pengharaman riba dan sebarang bentuk penindasaan dalam urus niaga, mengelakkan *gharar* dan judi, serta transaksi yang melibatkan subjek yang haram atau waktu yang tidak dibenarkan.<sup>11</sup>

Mustafā al-Zarqā' menyenaraikan kontrak-kontrak *musammā* yang popular ialah seperti *al-bay'* (jualan) dan jenis-jenisnya yang pelbagai, *bay' al-wafā'* (jual janji) *al-ijārah* (sewaan), *al-qard* (pinjaman dengan gantian), *al-ijārah* atau *al-'āriyah* (pinjaman barangan), *al-syarikah* (perkongsi), *al-wakālah* (pewakilan), *al-kafālah* (jaminan), *al-ḥiwālah* (pertukaran tanggungan), *al-hibah* (hadiah), *al-wadī'ah* (simpanan) dan *al-qirād* atau *al-muḍārabah* (kontrak pemodal dan pengusaha), *al-sulḥ* (penyelesaian), *al-qismah* (pembahagian), *al-muzāra'ah* (kontrak pertanian), *al-musāqah* (kontrak penjagaan tanaman), *al-taḥkīm* (penyelesaian melalui hakim), *al-mukhārajah* (jualan barangan melibatkan harta pusaka), *al-'umrā* (memberi pakai untuk tempoh sepanjang hayat), *al-muwālah* (mengangkat seseorang sebagai waris), *al-iqālah* (membatalkan urus niaga), *al-zawāj* (perkahwinan), *al-waṣiyyah* (wasiat).<sup>12</sup> Para sarjana lain turut memasukkan beberapa kontrak *musammā* yang lain seperti kontrak yang diharamkan oleh Islam seperti riba itu sendiri, *al-muqāmarah* atau *al-qimār* (perjudian) dan beberapa bentuk jualan seperti *bay' al-mulāmasah*, *bay' al-muzābanah*, *bay' al-munābadhah* dan lain-lain.

## PRINSIP ASAS KONTRAK DALAM *FIQH* MUAMALAT ISLAM

Dalam teori usul *fiqh* Islam, kaedah *istiṣḥāb*<sup>13</sup> membawakan dua dimensi berbeza antara muamalat dan aspek ibadah. Dalam aspek ibadah, hukum asal sesuatu ibadah adalah haram dilakukan kecuali jika wujud dalil yang

<sup>10</sup> Abdullah Alwi Haji Hassan, *Sales and Contracts in Early Islamic Commercial Law* (Kuala Lumpur: The Other Press, 2007), 11.

<sup>11</sup> Lihat perincian dalam Ahmad Sufyan Che Abdullah, 'Prinsip Ijtihad dalam Muamalat Islam: Antara Fleksibiliti dan Kekangan', dalam Ab Mumin Ab Ghani & Fadillah Mansor (ed.), *Dinamisme Kewangan Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), 147-170.

<sup>12</sup> Mustafā Aḥmad al-Zarqā, *Madkhal Fiqh al-'Āmm*, 606.

<sup>13</sup> *Istiṣḥāb* maksudnya suatu andaian yang kuat (*ghalabah al-zann*) bahawa status hukum asal itu akan berterusan sehingga ada penyebab lain yang mengubahnya. Lihat Muḥammad Abu Zahrah, *Uṣūl al-Fiqh* (t.t.p: Dār al-Fikr al-'Arabī, n.d.), 296.

menetapkan sesuatu ibadah.<sup>14</sup> Sebarang urusan yang diada-adakan dalam ibadah dianggap bidaah yang boleh menyesatkan. Berbeza dengan muamalat, hukum asal dalam muamalat adalah harus kecuali ada dalil yang terang dan jelas yang mengharamkannya.<sup>15</sup> Secara lebih spesifik, dalam konteks kontrak muamalat dan syarat-syaratnya, Islam juga mengharuskan sebarang bentuk kontrak dalam transaksi kewangan selagi kontrak itu tidak melanggar prinsip syariah yang utama seperti berikut;<sup>16</sup>

- i. Wujud unsur kerelaan antara dua pihak yang berkontrak;
- ii. Tidak mengandungi unsur riba dan unsur-unsur yang diharamkan seperti perjudian dan subjek kontrak yang haram;
- iii. Tidak bercanggah dengan mana-mana hukum lain yang ditetapkan oleh dalil yang sahih;
- iv. Implikasinya tidak membawa kepada kemudaratan kepada masyarakat;
- v. Tidak bercanggah dengan sifat asal kontrak yang membawa kepada unsur yang diharamkan.

Prinsip-prinsip tersebut sebenarnya satu manifestasi kepada pengiktirafan Islam terhadap ‘urf dan realiti semasa bagi sesuatu masyarakat, bahkan menzahirkan fleksibiliti Islam dalam soal hukum yang berkaitan dengan muamalat yang sentiasa berevolusi. Lantaran itu, persoalan yang timbul kemudiannya, jika syariah mengiktiraf setiap kontrak bagi mana-mana masyarakat pada setiap zaman dan generasi selagi tidak bercanggah dengan syariah, apa pula justifikasi bagi kontrak *musammā* untuk terus dipelajari dan dikaji? Bukankah kontrak-kontrak itu sendiri sebenarnya bersumberkan kepada ‘urf masyarakat sebelum Islam lagi? Apa justifikasi kontrak-kontrak ini untuk terus dianggap relevan sebagai asas kajian?

Hakikatnya, sekalipun Islam mengiktiraf kontrak yang baharu yang tidak wujud dengan nama yang khusus, kontrak-kontrak *musammā* amat penting untuk dikaji, bukan kerana namanya tetapi untuk mengesahkan bahawa kontrak yang baharu itu benar-benar tidak bercanggah dengan Syariah berasaskan bentuknya dan sifat-sifatnya.

<sup>14</sup> Teori *istiṣhāb* telah mengemukakan kaedah: الأصل براءة الذمة “Pada asalnya, seseorang itu bebas daripada sebarang tanggungan”. Berasaskan kaedah ini, manusia pada asasnya dianggap bebas daripada *taklīf* ibadah sehinggalah terbukti dalil yang mewajib atau mensunatkannya.

<sup>15</sup> Ia juga berasaskan kepada kaedah *fiqh* yang menjelaskan: الأصل في الأشياء الإباحة: “Hukum asal kepada sesuatu adalah harus”; Ibn Taymiyyah, *al-Qawā'id al-Nurāniyyah al-Fiqhiyyah* (t.t.p: Dār Ibn al-Jawzi, n.d.), 163.

<sup>16</sup> Ahmad Sufyan Che Abdullah, ‘Prinsip Ijtihad dalam Muamalat Islam: Antara Fleksibiliti dan Kekangan’, 147-170.

## SIFAT-SIFAT KONTRAK *MUSAMMĀ*

Bagi membezakan sifat perundangan bagi setiap kontrak, beberapa klasifikasi terhadap kontrak dikesan telah digunakan secara meluas dalam karya-karya *fiqh* Islam. Menurut Aḥmad Firāj Ḥusayn, kontrak dikelaskan kepada jenis *tamlīkat* yang berkisarkan tentang aspek pemindahan hak milik fizikal barangan atau manfaatnya, kontrak jenis *isqātāt*, iaitu kontrak yang bersifat pengguguran hak milik, *iṭlāqāt* iaitu akad yang bersifat penyerahan mutlak tanpa apa-apa syarat, *taqyīdāt* pula kontrak yang biasa tetapi diletakkan syarat tertentu. Terdapat juga jenis akad yang dikenali sebagai *tawthīqāt* iaitu sifat akad sama ada *amānah* atau *ḍamānah* yang akan dijelaskan selepas ini.<sup>17</sup>

Bagi melihat implikasi perundangan bagi setiap kontrak, selalunya kontrak dalam muamalat Islam dikelaskan berasas kepada sifat mengikat (*lāzim*) atau tidak seperti berikut:<sup>18</sup>

- Akad yang mengikat;<sup>19</sup> sama ada mengikat dua belah pihak yang mana setelah berlakunya akad, pesertak akad tidak boleh sewang-wenangnya membatalkan urusan niaga itu tanpa sebab yang munasabah kecuali mendapat persetujuan kedua-dua belah pihak untuk membatalkannya; atau sekadar mengikat sebelah pihak sahaja, contohnya akad hibah, atau pemberian hadiah. Dalam akad jenis ini, pihak yang telah memberikan hadiah tidak boleh untuk meminta kembali hadiah yang diberikan tetapi pihak yang menerima, boleh, pada bila-bila masa dengan sebab atau tanpa sebab mengembalikan harta tersebut;
- Akad yang tidak mengikat,<sup>20</sup> dikenali juga sebagai akad *al-jā'iz* iaitu setelah berlakunya 'akad', mana-mana pihak boleh untuk membatalkan akad,

---

<sup>17</sup> Aḥmad Firāj Ḥusayn, *al-Milkiyyah wa Naẓariyyah al-'Aqd fī Syarī'ah al-Islāmiyyah*, 287.

<sup>18</sup> Aḥmad Muḥammad al-Sa'ad, *Fiqh al-Mu'āmalāt*, 11; 'Abd al-Rahmān 'Uthmān al-Jal'ūd, *Ahkām Luzūm al-'Aqd* (Riyād: Dār Kunūz Isybiliya, 2007), 32.

<sup>19</sup> Apa yang dimaksudkan dengan akad *lāzim* ialah akad yang sah yang sedia dilaksanakan, serta tidak boleh digugurkan (*fasakh*) selama-lamanya, atau hanya boleh digugurkan oleh sebelah pihak sahaja, kecuali terdapat persepakatan kedua-dua pihak untuk menggugurkannya. Lihat Ibn Nujaym, *al-Baḥr al-Rā'iq Syarḥ Kanz Daqā'iq* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997), vi. 75; Badrān Abū al-'Aynayn, *al-Syarī'ah al-Islāmiyyah: Tārīkhuha Wa Naẓariyyah wa al-'Uqūd* (Iskandariyyah: Mu'assasah Syabāb al-Jāmi'ah, 1986), 504.

<sup>20</sup> Pada hakikatnya sebahagian sarjana tidak menganggap transaksi jenis ini termasuk dalam kategori *al-'aqd* dalam maksud istilahnya yang sebenar, tetapi sekadar digunakan secara umum (*aghlabiyyah*) sebagai satu kontrak. Ini kerana

contohnya akad simpanan harta (*wadī'ah*), mana-mana peserta akad sama ada penyimpan atau yang meminta simpan barangan, boleh pada bila-bila masa dengan sebab atau tanpa sebab untuk membatalkan (*fasakh*) urusan antara mereka berdua.

Mustafā al-Zarqā menjelaskan, pembahagian akad berasaskan ikatan ini sebenarnya berasaskan kepada dua faktor; faktor utamanya ialah faktor kehendak syariah melalui dalil yang khusus manakala faktor kedua ialah berasaskan kepada pengambilkiraan kepada keperluan dan penjagaan hak bagi pihak yang berkontrak.<sup>21</sup> Pandangan ini sebenarnya bersandarkan kepada analisis sesetengah sarjana *fiqh* silam seperti al-Zarkasyī yang menganggap terdapat beberapa kes kontrak yang pada asalnya bersifat tidak *lāzim* yang boleh diubah menjadi *lāzim*, atau dengan sendirinya berubah menjadi lazim berasaskan faktor keperluan peserta kontrak.<sup>22</sup>

Sifat kontrak juga dibezakan berasaskan pertukaran nilai (*exchange of value*) yang berlaku iaitu *mu'āwadāt* (bilateral contracts) dan *tabarru'āt* (unilateral contract) bagi melihat kesan perundangan yang akan terzhahir.<sup>23</sup> Kontrak *mu'āwadāt* ialah kontrak yang bersifat dua hala dan berlakunya pertukaran sama ada harga dengan dengan barangan atau pun harga dengan manfaat ataupun pertukaran barangan dengan manfaat. Contoh kontrak *mu'āwadāt* ialah kontrak *bay'* (jualan) dan *ijārah* (sewaan atau upah). Kontrak *mu'āwadāt* ini biasanya kontrak yang bersifat mengikat kedua-dua belah pihak (*lāzim*) untuk memenuhi setiap kontrak yang dilakukan mereka. Manakala kontrak *tabarru'āt* pula merupakan kontrak yang bersifat sukarela dan lebih kepada tolong-menolong (*ihsān*), contohnya seperti kontrak *qard* (pinjaman wang), *'āriyah* (pinjaman barangan) dan *hibah* (hadiah).<sup>24</sup> Oleh kerana dalam kontrak

---

*al-'aqd* pada istilah asalnya bersifat mengikat pihak yang terlibat. Lihat al-Qarāfī, *al-Dhakhīrah* (Beirut: Dār al-Gharb al-Islamī, 1994), v. 20. Terjemahan *al-'aqd* sebagai 'kontrak' dalam artikel ini juga berasaskan kepada pendirian ini, kerana kontrak, pada asal perundangannya adalah mengikat.

<sup>21</sup> Mustafā Ahmad al-Zarqā, *Madkhal Fiqh al-'Amm*, 447.

<sup>22</sup> Badr al-Dīn al-Zarkasyī, *al-Baḥr al-Muḥīṭ fī Uṣūl al-Fiqh* (Kuwayt: Dār al-'Afwah, 1992), i. 319-320.

<sup>23</sup> Ibn Rusyd, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1982), ii. 145.

<sup>24</sup> Bagaimanapun, mazhab Mālikī menganggap kontrak *tabarru'* ini mengikat selepas berlakunya proses pegangan atau *qabḍ*. Contohnya sesuatu hadiah itu tidak boleh lagi dituntut oleh pemberinya, selepas hadiah itu dipegang dan diterima oleh penerimanya. Begitu juga dengan kontrak *ju'ālah*, mazhab Mālikī menganggap orang yang menawarkan ganjaran akan terikat dengan janjinya setelah orang yang mengusahakan itu mendapat hasilnya.

*tabarru'āt* ini, pada dasarnya, pihak yang sukarela tidak akan mengambil sebarang bentuk upah, ganjaran atau menerima manfaat, maka kontrak ini dianggap tidak mengikat (*ghayr lāzim*) dengan membenarkan peserta yang terlibat dalam kontrak menarik diri pada bila-bila masa yang mereka mahu.

Selain itu, kontrak turut diklasifikasikan berasaskan tahap tanggungjawab dan hak kepada pihak yang berkontrak iaitu *ḍamānah* dan *amānah*.<sup>25</sup> *Ḍamānah* bermaksud kontrak yang bersifat tanggungan oleh salah satu pihak yang berkontrak, dan memberi hak yang boleh dituntut oleh satu pihak lain.<sup>26</sup> Dalam kontrak yang bersifat *ḍamānah*, sebarang bentuk kerosakan atau kehilangan perlu diganti walaupun bukan kerana kecuaiian. Contoh kontrak bersifat *ḍamānah* ialah seperti seperti *bay'* (jual beli), *qard* (pinjaman wang) dan *kafālah* (jaminan). Dalam kes *qard*, orang yang meminjam wang perlu memberi komitmen untuk membayar balik dan menjadi hak oleh pemberi pinjam untuk mentuntutnya. Kontrak *amānah* pula kontrak yang bersifat kepercayaan, yang tidak menuntut apa-apa komitmen daripada orang yang berkontrak,<sup>27</sup> contohnya seperti kontrak *wadī'ah*, *'āriyah*,<sup>28</sup> dan *muḍārabah*. Dalam kontrak *wadī'ah*, pada dasarnya pihak yang menyimpan barangan itu tidak diberi komitmen untuk menggantikan apa-apa barangan jika rosak atau hilang dalam simpanannya kecuali dalam kes kecuaiian yang disengajakan. Begitu juga dalam kontrak *muḍārabah*, pihak pengusaha tidak perlu menggantikan wang modal jika berlaku kerugian dalam perusahaan yang dilakukan kecuali jika terbukti adanya kecuaiian dan penyelewangan. Manakala dalam kontrak *'āriyah*, pada dasarnya kontrak ini dianggap kontrak *amānah* dengan tidak memberikan apa-apa komitmen kepada pihak yang meminjam barangan atas kerosakan yang berlaku tanpa unsur kecuaiian tetapi tidak sedikit sarjana *fiqh* menganggap kontrak ini sebagai *ḍamānah*, dengan memberikan komitmen kepada pemberi pinjam untuk menyediakan ganti rugi atas apa jua kerosakan semasa dalam kegunaannya.

<sup>25</sup> Muḥammad Muḥyi al-Dīn Ibrāhīm Sālim, *Aḥkām Ḍamān al-'Āriyah* (Iskandariyyah: Dār al-Maṭbū'at al-Jāmi'iyyah, 2007), 98. Kontrak *musammā* yang bersifat *mu'āwaḍah* dianggap semuanya *ḍamānah*.

<sup>26</sup> Mustafā Aḥmad al-Zarqā, *Madkhal Fiqh al-'Āmm*, ii. 1032.

<sup>27</sup> Muḥammad Muḥyi al-Dīn Ibrāhīm Sālim, *Aḥkām Ḍamān al-'Āriyah*, 98.

<sup>28</sup> Kontrak *'Āriyah* bagaimanapun boleh bertukar menjadi *ḍamān* jika disyaratkan *ḍamān* oleh pemberi pinjam atau oleh *'urf*.



## JUSTIFIKASI KONTRAK *MUSAMMĀ* DALAM MUAMALAT ISLAM

Kedudukan kontrak *musammā* pada hakikatnya bukan ditentukan oleh nama-nama yang sedia wujud, bahkan menurut Ibn al-Qayyim, syaria Islam tidak pernah menghadkan kepada manusia untuk hanya menggunakan kontrak yang sudah sedia wujudnya nama-nama ini.<sup>29</sup> Seperti yang telah dijelaskan, Islam mengiktiraf *'urf* masyarakat pada setiap zaman dan tempat, selagi tidak bercanggah dengan dalil serta *maqāṣid al-syarī'ah* yang putus dan jelas.

Atas sebab itu, bagi Imām al-Qarāfī, kontrak yang dikelaskan mengikut nama-namanya itu bukanlah kerana semata-matanya namanya tetapi kerana bertujuan untuk mengenali sifat kontrak dan ciri khusus kontrak yang wujud.<sup>30</sup> Hal ini kerana penggunaan nama akan mempermudah aspek pengenalan sifat-sifat kontrak dan akan mempermudah urusan penentuan syarat-syarat kesahihan bagi kontrak yang sememangnya mempunyai sifat yang tersendiri. Ini jelaskan lagi oleh kaedah *fiqh* dalam muamalat Islam yang popular khususnya dalam mazhab Ḥanbalī, Ḥanafī dan Mālikī.<sup>31</sup>

العبرة في العقود بالمقاصد والمعاني لا بالألفاظ والمباني

“Pengambilkiraan hukum dalam kontrak adalah dinilai berasaskan kepada objektif dan ciri maksudnya, bukanlah sekadar bergantung kepada lafaz dan rupa bentuknya.”<sup>32</sup>

Bahkan jika diteliti karya perundangan Islam mazhab Shāfi’ī juga, sarjana *fiqh* sebenarnya mementingkan sifat dan objektif sesuatu kontrak yang berlaku, bukan berasaskan nama dan apa yang dilafazkan untuknya. Dalam kes *syarikah al-mufāwāḍah*, contohnya, bagi al-Imām al-Nawawī, sekiranya seseorang ingin melakukan kontrak *syarikah al-‘inān* tetapi menggunakan lafaz *mufāwā’ah*, kontrak itu tetap dianggap sah sebagai *syarikah al-‘inān*, sekalipun dalam mazhab Shāfi’ī dan majoriti mazhab tidak mengharuskan kontrak *mufāwāḍah*.<sup>33</sup> Tegasnya di sini, nama bukanlah menjadi faktor penting

<sup>29</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *I’lām al-Muwaqqi’in* (Riyāḍ: Dār Ibn al-Jawzī, 1423/2002), iii. 198-199.

<sup>30</sup> Al-Qarāfī, *al-Furuq fī Anwār al-Buruq* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997), iii. 130.

<sup>31</sup> Muḥammad Mustafā al-Zuhaylī, *al-Qawā’id al-Fiqhiyyah wa Taṭbīqātuhā fī Madhāhib al-Arba’ah* (Damsyiq: Dār al-Fikr, 2006), i. 33.

<sup>32</sup> Al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Syarī’ah* (Riyāḍ: Dār Ibn ‘Affān, 1997), iii. 9; Muḥammad Mustafā al-Zuhaylī, *al-Qawā’id al-Fiqhiyyah wa Taṭbīqātuhā fī Madhāhib al-Arba’ah*, 65.

<sup>33</sup> Al-Nawawī, *Rawḍah al-Ṭālibīn* (Riyāḍ: Dār ‘Ālam al-Kutub, 2003), iii. 512.

dalam konteks aplikasi kepada kontrak, sama ada kontrak *musammā* atau pun kontrak moden yang tidak bernama yang penting adalah implikasinya. Dengan kata lain, Islam tidak memberikan sebarang halangan untuk melakukan kontrak baru tetapi kontrak yang baru itu mesti dikaji berasaskan sifat-sifat yang ada dalam kontrak *musammā* supaya lebih mudah untuk dilihat implikasi hukumnya.

### **Mengelakkan Wujudnya Syarat Yang Menjadikan Urus Niaga Harus Itu Diharamkan**

Apa yang menjustifikasikan kontrak *musammā* untuk terus relevan dengan transaksi kewangan semasa ialah kerana bertujuan untuk memudahkan sarjana kontemporari mengenali sifatnya, dan dengan itu, dapat mengelakkan kontrak daripada menjadi haram dengan sebab wujudnya syarat-syarat yang menyalahi sifat asalnya. Seperti yang telah dijelaskan, walaupun Syariah mengiktiraf *status quo* keharusan sesuatu kontrak yang lahir daripada mana-mana masyarakat, tetapi kontrak itu hendaklah tidak mengandungi syarat yang menukar kontrak tersebut daripada harus kepada haram. Hal ini dapat dilihat jelas melalui situasi kontrak *bay'* digabungkan dengan syarat *salaf* seperti yang dilarang oleh Rasulullah s.a.w. Ini kerana sifat *bay'* dan *salaf* (atau dikenali dengan *al-qard*), jika berkumpul dalam satu kontrak, maka kontrak itu bertukar menjadi kontrak riba yang diharamkan, walaupun kedua-duanya pada asalnya, secara berasingan, adalah harus. Larangan ini direkodkan dalam hadis daripada Ibn 'Umar r.a, katanya, sabda Rasulullah SAW:

*“Tidak dibenarkan berlakunya salaf dan bay’, tidak boleh diletakkan dua syarat yang bercanggah maksudnya dalam satu kontrak bay’, tidak boleh mengambil untung tanpa apa-apa tanggungan serta tidak boleh seseorang itu menjual barangan yang tidak wujud.”*<sup>34</sup>

Hadis ini secara jelas, menjadi asas kepada perlunya pengenalan bagi sifat-sifat sesuatu kontrak, agar tidak berlakunya percampuran syarat daripada kontrak yang bercanggah sifatnya dalam satu-satu kontrak.

---

<sup>34</sup> Hadis Ibn 'Amar al-'Ās diriwayatkan oleh Abū Dāwūd, *Sunan Abū Dāwūd*, Kitāb al-Buyū', Bāb Fī al-Rajul Yabī' Mā Laysa 'Indahu, No. 3041; al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb al-Buyū', Bāb Mā Jā'a Fī Karāhiyyah Bay' Mā Laysa 'Indaka, No. 1155; al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, Kitāb al-Buyū', Bāb Bay' Mā Laysa 'Inda al-Bāi', No. 4532; Aḥmad, *Musnad Aḥmad*, Musnad al-Mukthirīn Min al-ṣaḥābah, Musnad 'Abd Allāh bin 'Amar al-'Ās r.a, No. 6384.

Berasaskan keperluan ini, dalam kes *kafālah*, jika seseorang itu mahu menjamin seseorang, tetapi ingin mengambil upah atas kontrak itu, maka upah itu dianggap haram sama seperti riba kerana upah yang lahir daripada kontrak *kafālah* adalah tidak dibenarkan. Hal ini kerana *kafālah* pada hakikatnya adalah bersifat *ḍamānah*, yang membawa implikasi hukum sama seperti *qarḍ*. Justeru, sebarang manfaat yang terhasil daripada akad bersifat *ḍamānah* dianggap riba.<sup>35</sup> Namun sarjana *fiqh* membenarkan *kafīl* untuk mendapatkan kos-kos sebenar yang terhasil daripada proses dan prosedur urus niaga. Atas sebab itu, dalam transaksi perbankan Islam, para sarjana kontemporari tidak membenarkan pengambilan upah dalam transaksi *letter of guarantee* tanpa cagaran kecuali mengambil kos sebenar sahaja.<sup>36</sup>

### Mengenal pasti Perubahan Kontrak Yang Berlaku

Dalam usaha mengkaji transaksi kewangan kontemporari, keperluan kepada penelitian terhadap kontrak *musammā* juga dapat dikesan dengan lebih jelas, apabila wujudnya syarat yang mengubah sifat kontrak dan akhirnya mengubah kontrak itu kepada satu kontrak yang lain yang memiliki sifat yang berbeza. Implikasinya, sebarang syarat yang hendak diletakkan tidak lagi boleh dilihat berasaskan kontrak asal tetapi perlu dinilai berasaskan kontrak baru yang terhasil akibat wujudnya syarat yang mengubah kontrak tersebut. Sebagai satu contoh, apabila kontrak *wadī'ah* yang merupakan asalnya kontrak berbentuk *tabarru'āt* yang bersifat *amānah* diletakkan syarat *ḍamānah* (biasanya setelah diberikan hak untuk penggunaan barangan atau wang kepada penyimpannya), kontrak itu tidak lagi menjadi kontrak *wadī'ah* menurut majoriti sarjana tetapi menjadi kontrak *qarḍ*, kerana sifat *ḍamānah* bukanlah sifat kepada *wadī'ah*, tetapi sifat kepada *qarḍ*. Implikasinya, peserta kontrak hendaklah mematuhi syarat-syarat *qarḍ* seperti tidak boleh mengambil sebarang upah atau manfaat (yang disyaratkan) kerana ini akan membawa kepada implikasi riba.<sup>37</sup> Berasaskan prinsip ini, para sarjana moden tidak membenarkan sebarang bentuk manfaat yang dijanjikan, walaupun sekadar hadiah sebuah tabung syiling kanak-kanak yang terhasil daripada pembukaan akaun-akaun bank seperti akaun simpanan berasaskan permintaan (*demand deposit account*) dan akaun semasa yang menggunakan akad *wadī'ah yad ḍamānah*, kerana bagi

<sup>35</sup> Aḥmad Muḥammad al-Sa'ad, *Fiqh al-Mu'āmalāt*, 202.

<sup>36</sup> Muḥammad Maḥmūd al-'Ajlūnī, *al-Bunūk al-Islāmiyyah* ('Ammān: Dār al-Massīrah, 2010), 301.

<sup>37</sup> Mustafā Dib al-Bughā, *Fiqh al-Mu'āwadāt* (Damsyiq: Dār al-Mustafā, 2009), 55; lihat juga al-Māwardī, *al-Insāf fī Ma'rifah al-Rājih min al-Khilāf* (t.t.p: t.n.p, 1956), v. 131.

mereka, akad ini sebenarnya adalah akad *qard* dan peserta kontrak hendaklah mematuhi syarat-syarat *qard*.<sup>38</sup>

Dalam konteks yang sama, sekiranya kontrak *wakālah* dirangkai dengan syarat upah atau ganjaran, maka kontrak *wakālah* itu bertukar menjadi kontrak *ijārah*.<sup>39</sup> Sekalipun pada asalnya kontrak *tabarru'āt* seperti *wakālah* ini tidak memerlukan sebarang balasan tetapi oleh kerana kontrak *wakālah* berubah menjadi *ijārah*, maka sarjana masih mengharuskan kontrak ini kerana kontrak *ijārah* juga harus. Namun implikasinya berubah, kerana kontrak berbentuk *amānah* dan wakil tidak boleh dipertanggungjawabkan atas apa jua kerugian kecuali atas sebab kecuaiannya tetapi orang yang menerima upah perlu bertanggungjawab atas urusan niaga yang dilakukannya. Selain itu, kontrak *'āriyah* juga boleh bertukar menjadi *ijārah* sekiranya dikenakan sebarang bayaran atau apa jua bentuk balasan ke atasnya, dan peserta kontrak hendaklah mengikut syarat-syarat asal dalam *ijarah* yang merupakan kontrak *mu'āwaḍāt* dan bukan lagi kontrak *tabarru'āt*.

### Mengelakkan Syarat Yang Bertentangan Dengan Sifat Asal Kontrak

Atas faktor implikasi perundangan juga, kontrak *musammā* dibahagikan kepada beberapa kategori ikatannya seperti yang telah disebutkan sebelum ini. Implikasi daripada pembahagian ini, bagi majoriti sarjana *fiqh*, sesetengah akad yang tidak mengikat (*ghayr mulzim*) tidak boleh diletakkan syarat agar mengikat (*mulzim*) kedua-dua belah pihak kerana dua sifat ini saling bertentangan sifatnya.<sup>40</sup> Contohnya dalam kontrak *al-muḍārabah*, sifat kontrak ini dianggap tidak mengikat. Justeru, majoriti sarjana kecuali mazhab Mālikī dan Imām Aḥmad menganggap pada bila-bila masa *ṣāhib al-māl* boleh mengambil kembali modal daripada *muḍārib* dan melakukan *fasakh* terhadap kontrak, bahkan tidak membenarkan diwujudkan syarat untuk mengikat pihak yang berkontrak.<sup>41</sup> Dengan kata lain, syarat yang mahu diletakkan dalam apa jua kontrak hendaklah tidak berbeza sifatnya.

<sup>38</sup> 'Uthmān Bakar Aḥmad, *Nizām Ḥimāyah al-Wadā'i* (t.t.p: Ma'had al-Islāmī li al-Bu'ūth wa al-Tadrīb, 2002), 32.

<sup>39</sup> Aḥmad Muḥammad al-Sa'ad, *Fiqh al-Mu'āmalāt*, 183. Standard Shariah nombor 23 (4.2) dan (4.3) secara jelas menganggap wakalah dengan upah ialah kontrak upah dan hukum kontrak upah terlaksana ke atas kontrak ini. Lihat *al-Ma'ayir al-Syar'iyyah*, (2010), No 23 (4.2), (4.3).

<sup>40</sup> Nazīh Ḥammād, *Madā' Ṣiḥḥah Tadmīn Yad al-Amānah bi Syarṭ fī al-Fiqh al-Islāmī* (t.t.p: Ma'had al-Islāmī li al-Bu'ūth wa al-Tadrīb, 2000), 37.

<sup>41</sup> Nazīh Ḥammād, *Madā' Ṣiḥḥah Tadmīn Yad al-Amānah bi Syarṭ fī al-Fiqh al-Islāmī*, 38.

Atas sebab itu juga, para sarjana mengharamkan sebarang bentuk *ḍamān* ke atas kontrak *muḍārabah* kerana sifat asal kontrak *muḍārabah* adalah kontrak *amānah*, jika ada sebarang syarat *ḍamān*, maka dikhuatiri akan mengubah kontrak menjadi riba.<sup>42</sup> Dalam hal ini, mazhab Mālikī kelihatan agak ketat dalam kes kontrak-kontrak yang bertentangan sifatnya dan tidak dibenarkan dicampurkan bersama, contohnya mencampurkan *bay'* dengan *ju'alah*, atau dengan *ṣarf* atau lain-lain akad yang berbeza sifatnya. Ibn Juzay menjelaskan, “mengumpulkan dalam satu kontrak, antara *bay'* dan salah satu daripada akad berikut; *ju'alah*, *ṣarf*, *masāqāt*, *syarikah*, *nikāḥ* dan *qirāḍ* adalah ditegah dalam pendapat yang lebih *masyhūr*.”<sup>43</sup>

Sekiranya terdapat dua akad yang bercanggah sifatnya digabungkan dalam satu kontrak, kebanyakan para sarjana menganggap kontrak itu terbatal, tetapi sekiranya sekadar terdapat syarat yang bercanggah dengan sifat kontrak asal, para sarjana menganggap kontrak asal itu sah, tetapi syarat yang diletakkan itu terbatal. Dalam kes ini juga, al-Syirazī menjelaskan:

*“sekiranya dikumpulkan antara jual beli dan sewaan, atau antara bay' dan ṣarf melalui satu pertukaran, dalam hal ini terdapat dua pendapat; Pertamanya, terbatal kedua-dua akad kerana hukum antara dua akad itu saling bertentangan dan tidak ada antara kedua-dua akad itu lebih utama berbanding yang lain; Keduanya; kedua-dua sah, tetapi kontrak itu mesti diasingkan pembayaran berasaskan nilainya, kerana keadaan ini tidak mewujudkan perbezaan hukum antara dua akad.”*<sup>44</sup>

Percampuran antara beberapa jenis akad ini semakin terserlah melalui kelahiran akad-akad baru atau dikenali sebagai *al-'uqūd al-mustajiddah*, yang berkemungkinan mengandungi beberapa jenis akad dalam satu kontrak, atau mengandungi syarat yang bercanggah dengan sifat asal kontrak tersebut. Tegasnya, dalam menganalisis kontrak-kontrak kewangan atau perniagaan semasa, kontrak *musammā* masih relevan kerana kontrak dalam transaksi kewangan semasa berkemungkinan menggabungkan beberapa akad dalam kontrak *musammā* dan perlu dianalisis berasaskan sifat-sifat semua kontrak yang digabungkan itu. Pelbagai kontrak moden yang menggabungkan beberapa jenis kontrak *musammā* contohnya seperti kontrak *musyārah al-mutanāqīṣah*, kontrak kad kredit, takaful dan lain-lain.

<sup>42</sup> Aḥmad Muḥammad al-Sa'ad, *Fiqh al-Mu'āmalāt*, ii. 21.

<sup>43</sup> Ibn Juzay, *al-Qawānīn al-Fiqhiyyah* (Beirut: Dār al-'Ilm al-Malāyīn, 1979), 223.

<sup>44</sup> Al-Syirazī, *al-Muhadhab* (t.t.p: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, n.d.), ii. 25.

## PENILAIAN KONTRAK *MUSAMMA* BERASASKAN ‘*URF* DAN *MASLAHAH*

Kontrak *musammā* pada hakikatnya merupakan manifestasi kepada susunan sifat-sifat dalam muamalat yang merangkumi kesan ikatan kontrak dan bentuk-bentuk kontrak. Apa yang lebih penting daripada nama-namanya itu adalah sifat-sifatnya, yang diperlukan untuk menilai sama ada kontrak itu sah, atau terbatal, atau pun memasuki batas riba yang diharamkan. Sifat-sifat kontrak itu pula disusun oleh para sarjana *fiqh* sama ada berasaskan dalil yang wujud daripada sumber al-Quran dan Sunnah, ataupun berasaskan kepada *maqāsid al-syarī’ah* iaitu untuk menjaga hak-hak mereka yang berkontrak. Dalam konteks inilah, faktor ‘*urf* dan realiti semasa memainkan peranan penting dalam penentuan sifat bagi sesuatu kontrak.

Dalam kes *al-qarḍ*, contohnya, majoriti sarjana berpendapat bahawa kontrak ini bersifat tidak mengikat kerana merupakan salah satu kontrak *tabarru’*, yang mana setiap pemberi pinjam berhak untuk meminta kembali wang pinjamannya pada bila-bila masa sahaja.<sup>45</sup> Situasi ini adakalanya boleh menimbulkan kesulitan kepada peminjam wang, atas sebab itu, bagi mazhab Mālikī, kontrak *tabarru’*, juga dianggap boleh mengikat, terutama setelah berlakunya serahan (*qabḍ*). Jika kedua-dua peminjam dan pemberi pinjam bersepakat untuk menetapkan tempoh pembayaran yang khusus, pemberi pinjam dianggap terikat dengan perjanjian tempoh itu, sekalipun syarat ikatan itu bertentangan dengan sifat asal kontrak *qarḍ*. Pandangan mazhab Mālikī dan salah satu riwayat daripada Imām Aḥmad ini dianggap lebih relevan berasaskan ‘*urf* semasa.<sup>46</sup> Bahkan bagi penulis, ia lebih menepati kehendak hadis Rasulullah SAW:

“Sesiapa yang melakukan kontrak salaf dalam jual beli tamar hendaklah ditetapkan tempoh tertentu, dan jumlah tertentu”<sup>47</sup>

Ini diakui sendiri oleh Imam al-Rāfi’ī daripada mazhab Shāfi’ī bahawa konsep *salaf* dan *qarḍ* adalah sama sahaja dari aspek hukum, bahkan sama juga dari aspek objektifnya.<sup>48</sup>

<sup>45</sup> Mustafā Dib al-Bughā, *Fiqh al-Mu’āwadāt*, 58.

<sup>46</sup> Nazīh Ḥammād, *Madā’ Ṣiḥḥah Tadmīn Yad al-Amānah bi Syart fī al-Fiqh al-Islāmī*, 40.

<sup>47</sup> Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Salam, No. 2085; Muslim bin Hajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Musāqāh, No. 3010; al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb al-Buyū’, No. 1232; Abū Dāwūd, *Sunan Abū Dāwūd*, Kitāb al-Buyū’, No. 3004; al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, Kitāb al-Buyū’, No. 4537.

<sup>48</sup> ‘Abd al-Karīm al-Rāfi’ī, *al-‘Azīz Syarḥ al-Wajīz* (Beirut: Dār Kutub al-‘Ilmiyyah, 4 vols., 1997), 390.

Dalam hal ini Imām al-Zarkasyī menegaskan, demi mengutamakan *maṣlahah*, sekiranya akad yang tidak *lāzim* yang digugurkan itu membawa kepada risiko kerugian atau kesusahan terhadap mana-mana pihak, maka secara automatik akad itu boleh menjadi *lāzim*.<sup>49</sup> Justeru, segala bentuk kontrak *musammā* dan sifat-sifat yang dijelaskan sebelum ini perlu dianalisis sama ada bertentangan dengan prinsip asas seperti riba, *gharar* dan judi, ataupun demi menjaga *maṣlahah* para peserta kontrak. Jika *maṣlahah* itu bertentangan dengan prinsip yang jelas, riba contohnya, sudah tentulah *maṣlahah* perlu diabaikan, manakala untuk menilai *maṣlahah* itu sendiri perlu dinilai berasaskan keperluan faktor *‘urf* dan realiti semasa.<sup>50</sup>

## KESIMPULAN

Kontrak *musammā* yang wujud dalam karya-karya *fiqh* klasik, tidak boleh dinafikan kepentingannya dalam usaha membangunkan transaksi kewangan Islam semasa, kerana hanya dengan cara ini, sesuatu kontrak yang baru dapat dinilai rupa bentuk dan sifat sebenar sesuatu kontrak. Apa yang penting ialah penilaian kontrak-kontrak itu berasaskan kepada sifat dan syarat yang wujud dalam kontrak tersebut, untuk diaplikasikan dalam konteks transaksi kewangan semasa. Namun begitu, keterlaluan dalam menghadkan transaksi kewangan semasa kepada kontrak *musammā* boleh menyebabkan terbantutnya usaha inovasi dalam kewangan Islam. Ini kerana Syariah memberi kuasa yang luas kepada *‘urf* untuk menentukan keperluan sesuatu transaksi. Tetapi pada masa yang sama, mengabaikan struktur dan kerangka kontrak *musammā* mungkin boleh menyebabkan berlakunya pelanggaran terhadap nas atau pun *maqāṣid al-syarī’ah*. Atas sebab itu, adalah sangat penting bagi mana-mana sarjana masa kini untuk mengkaji secara mendalam khazanah *fiqh* Islam hasil kajian para sarjana terdahulu secara adil, di samping memahami kehendak mereka dalam realiti dan konteks semasa.

<sup>49</sup> Al-Zarkasyī, *al-Mantūr fī al-Qawā’id* (Kuwayt: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu’ūn al-Islāmiyyah, 1982), ii. 401.

<sup>50</sup> Ahmad Sufyan Che Abdullah & Ab Mumin Ab Ghani, ‘al-‘Urf dan Justifikasinya dalam Fiqh Muamalat’, *Jurnal Syariah*, 16/2 (2008): 427.

## RUJUKAN

- ‘Abd al-Karīm al-Rāfi’ī, *al-‘Azīz Syarḥ al-Wajīz* (Beirut: Dār Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997).
- ‘Abd al-Raḥmān ‘Uthmān al-Jal’ūd, *Aḥkām Luzūm al-‘Aqd* (Riyād: Dār Kunūz Isybiliya, 2007).
- ‘Alī bin Muḥammad al-Syarīf al-Jurjānī, *Kitāb al-Ta’rifāt* (Beirut: Maktabah Lubnan, 1985).
- ‘Uthmān Bakar Aḥmad, *Nizām Himāyah al-Wadā’i* (t.t.p: Ma’had al-Islāmī li al-Bu’ūth wa al-Tadrīb, 2002).
- Abdullah Alwi Haji Hassan, *Sales and Contracts in Early Islamic Commercial Law* (Kuala Lumpur: The Other Press, 2007).
- Abū Dāwūd, Sulaymān bin al-Asy’ath al-Azdī al-Sajjīstānī, *Sunan Abī Dāwūd*. Taḥqīq: Syu‘ayb al-Arna’ūṭ. (Dimasyq: Dār al-Risālah al-‘Ālamiyyah, 2009)
- Aḥmad bin Ḥanbal, *al-Musnad*. (Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, 1995)
- Aḥmad Firāj Ḥusayn, *al-Milkiyyah wa Naẓariyyah al-‘Aqd fī Syarī‘ah al-Islāmiyyah* (Iskandāriyyah: Mu’assasah al-Thaqāfah al-Jāmi‘iyyah, n.d.).
- Aḥmad Muḥammad al-Sa’ad, *Fiqh al-Mu’āmalāt* (Irbid: Dār al-Ketab Publisher, 2011).
- Ahmad Sufyan Che Abdullah & Ab Mumin Ab Ghani, ‘al-‘Urf dan Justifikasinya dalam Fiqh Muamalat’, *Jurnal Syariah*, 16/2 (2008): 427.
- Ahmad Sufyan Che Abdullah, ‘Prinsip Ijtihad dalam Muamalat Islam: Antara Fleksibiliti dan Kekangan’, dalam Ab Mumin Ab Ghani & Fadillah Mansor (ed.), *Dinamisme Kewangan Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006).
- Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Kaherah: Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, n.d).
- Al-Māwardī, *al-Insāf fī Ma’rifah al-Rājih min al-Khilāf* (t.t.p: t.n.p, 1956).
- Al-Nasā’ī, Abi ‘Abd al-Raḥmān Aḥmad bin Syu‘ayb (2001), *Sunan al-Nasā’ī*. Taḥqīq: Syu‘ayb al-Arna’ūṭ. (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 2001)
- Al-Nawawī, *Rawḍah al-Ṭālibīn* (Riyād: Dār ‘Ālam al-Kutub, 2003).
- Al-Qarāfī, *al-Dhakhīrah* (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1994).
- Al-Qarāfī, *al-Furuq fī Anwār al-Buruq* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997).



- Al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Syarī'ah* (Riyād: Dār Ibn 'Affān, 1997).
- Al-Syirazī, *al-Muhadhab* (t.t.p: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2 vols., n.d.).
- Al-Tirmidhī, Muhammad bin 'Isa, *Sunan al-Tirmidhī*. Taḥqīq: Nāsir al-Dīn al-Albānī. (Riyād: Maktabah al-Ma'ārif, n.d.)
- Al-Zarkasyī, *al-Mantūr fī al-Qawā'id* (Kuwayt: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, 1982).
- Badr al-Dīn al-Zarkasyī, *al-Baḥr al-Muḥīt fī Uṣūl al-Fiqh* (Kuwayt: Dār al-'afwah, 1992).
- Badrān Abūal-'Aynayn, *al-Syarī'ah al-Islāmiyyah: Tārīkhuhā Wa Nazariyyah wa al-'Uqūd* (Iskandariyyah: Mu'assasah Syabāb al-Jāmi'ah, 1986).
- Hay'ah al-Muḥāsabah wa al-Murāja'ah li al-Mu'assasah al-Māliyah al-Islāmiyyah, *al-Ma'āyir al-Syar'iyyah 2010*. (al-Manāmah: AAIOIFI, 2010).
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *I'lām al-Muwaqqi'in* (Riyād: Dār Ibn al-Jawzī, 1423/2002 ).
- Ibn Juzay, *al-Qawānīn al-Fiqhiyyah* (Beirut: Dār al-'Ilm al-Malāyīn, 1979).
- Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab* (Kaherah: Dār al-Ma'ārif, n.d.).
- Ibn Nujaym, *al-Baḥr al-Rā'iq Sharḥ Kanz Daqā'iq* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997).
- Ibn Rusyd, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1982).
- Ibn Taymiyyah, *al-Qawā'id al-Nurāniyyah al-Fiqhiyyah* (t.t.p: Dār Ibn al-Jawzi, n.d.).
- Muḥammad Abu Zahrah, *Uṣūl al-Fiqh* (t.t.p: Dār al-Fikr al-'Arabī, n.d.).
- Muḥammad Maḥmūd al-'Ajlūnī, *al-Bunūk al-Islāmiyyah* ('Ammān: Dār al-Massīrah, 2010).
- Muḥammad Muḥyi al-Dīn Ibrāhīm Sālim, *Aḥkām Ḍamān al-'Āriyah* (Iskandariyyah: Dār al-Matbu'at al-Jami'iyyah, 2007).
- Muḥammad Muṣṭafā al-Zuhaylī, *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah wa Taṭbīqātuha fī Madhāhib al-Arba'ah* (Damsyiq: Dār al-Fikr, 2006).
- Muslim bin Hajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1994).
- Muṣṭafā Aḥmad al-Zarqā, *Madkhal Fiqh al-'Āmm* (Damsyiq: Dār al-Qalam, 1998).
- Muṣṭafā Dīb al-Bughā, *Fiqh al-Mu'āwadāt* (Damsyiq: Dār al-Muṣṭafā, 2009).

Nazīh Ḥammād, *Madā' Ṣiḥḥah Tadmīn Yad al-Amānah bi Syarṭ fī al-Fiqh al-Islāmī* (t.t.p: Ma'had al-Islāmī li al-Bu'ūth wa al-Tadrīb, 2000).

Wizārah al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah* (Kuwayt: Dār al-'Afwah, 1994).